

Imej Katak (தவளை) dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif

(Frog(தவளை) Images in Tamil Proverbs: Inquisitive Semantic Analysis)

Tangaprabu Murthy^{1, a)}, dan Mary Fatimah Subet^{1, b)}

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

^{a)}Corresponding author: tangaprabu@gmail.com

^{b)} sufatimah@unimas.my

Abstrak. Kajian ini akan berpandukan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin pada tahun 2014 dalam menganalisis peribahasa Tamil yang menggunakan imej haiwan katak (*thavalai*). Hasil kajian mendapati bahawa imej katak (*thavalai*) ini digunakan dalam peribahasa berdasarkan faktor-faktor tertentu seperti sejarah, etimologi, budaya, agama dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, kajian ini mampu menghuraikan pemikiran dan falsafah masyarakat India dan seterusnya menjawab persoalan tentang akal budi masyarakat tersebut dalam penciptaan peribahasa yang mempunyai imej haiwan.

Kata kunci— semantik inkuisitif; peribahasa Tamil; masyarakat India; haiwan; katak (*thavalai*)

Abstract. The research of analysing the usage of frog's images in Tamil proverbs is based on inquisitive semantics which has been introduced by Nor Hashimah Jalaluddin on the year of 2014. The outcome of this research suggests that the image of frogs are used in the proverbs based on various factors namely history, etymology, culture as well as religion. Therefore, this research will act as catalyst for people to understand the Indian's way of thinking as well as to understand the way that they perceive the information from their surroundings.

Keywords— inquisitive semantics; Tamil proverbs; India community; animal; frog (*thavalai*)

PENGENALAN

Bahasa merupakan satu identiti sesebuah masyarakat. Bahasa Tamil merupakan satu lambang identiti bangsa India. Asal usul bermula di negara India. Tamil merupakan satu bahasa klasik dan salah sebuah bahasa yang tergolong dalam rumpun Bahasa Dravida. Selain itu, Bahasa Tamil ini dituturkan oleh bangsa India di Tamil Nadu (India Selatan), Sri Lanka, bangsa India di Malaysia, Singapura, Australia, Canada dan sebagainya. Sementara itu, bahasa Tamil ini dituturkan seramai lebih kurang 74 juta penutur di seluruh dunia. Justeru, memang tidak dapat disangkal bahawa bahawa Tamil ini mempunyai tradisi literasi yang berterusan tanpa sekatannya untuk jangka waktu ruang lama jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain di dunia secara amnya serta dalam rumpun bahasa Dravida secara khasnya. Malah terdapat juga beberapa penemuan penulisan-penulisan awal bahasa Tamil ini. Antaranya ialah, penulisan pada Batu Bersurat yang menunjukkan bahawa batu itu telah dihasilkan pada kurun ke-3 sebelum masihi [10].